

Self-Favorability Bias (Part 7)

Azizi Hj Yahaya

5.2 Dapatan Kajian Mengenai “Self-Favourability Biases”

Kebanyakan laporan kajian yang dipilih adalah berkaitan dengan anggaran kendiri tentang pencapaian kognitif atau kebolehan. Kumpulan kajian yang telah disaring oleh Wylie (1979) melalui kaedah metodologi yang digariskan telah dikategorikan kepada empat kumpulan:

- A. Ingatan atau anggaran tentang pencapaian gred di sekolah
- B. Jangkaan subjek tentang pencapaiannya dalam tugas khas yang diberi contohnya ujian aritmetik
- C. Jangkaan tentang kebolehan intelektual subjek
- D. Jangkaan ciri-ciri personaliti

A. Ingatan atau anggaran tentang pencapaian gred di sekolah

Terdapat 4 kajian yang dipilih. Antaranya ialah kajian oleh Wylie (1963) dan Wylie & Hutchins (1967). 2 kumpulan subjek diminta memberitahu sama ada gred pencapaian mereka untuk tahun itu antara setengah teratas atau setengah terbawah. Untuk meyakinkan mereka, nama subjek dirahsiakan. Hanya 53% daripada 712 orang murid menengah rendah dan 55% daripada 1163 orang murid menengah atas melaporkan bahawa mereka berada dalam setengah teratas. Walaupun peratusannya melebihi 50% tetapi Wylie menyatakan bahawa tidak berlaku “self-favourability” memandangkan bandingan jumlah responden yang besar.

B. Anggaran subjek tentang pencapaiannya dalam tugas spesifik.

Brandt (1958) melaporkan kajian ke atas 2 kumpulan kanak-kanak sekolah rendah. ($N_s = 27$ dan 31). Mereka diminta meramalkan keputusan bagi 3 ujian iaitu aritmetik, ejaan dan perbendaharaan kata. 66% menganggarkan markah aritmetik mereka di atas 50%. 73% menganggarkan markah ejaan mereka di atas 50%. 74% menganggarkan markah perbendaharaan kata mereka di atas 50%. Apabila ujian sebenar dijalankan, markah yang dianggarkan dan diperolehi dibandingkan.

Jenis ujian/ Anggaran	Aritmetik	Ejaan	Perbendaharaan Kata
Terlebih anggaran	35%	45%	45%
Anggaran tepat	43%	39%	36%
Di bawah anggaran	22%	16%	19%

Ini menunjukkan bahawa wujudnya bias “self-favourability” apabila terdapat lebih ramai murid yang membuat anggaran lebih tinggi dan anggaran tepat dalam ketiga-tiga ujian tersebut berbanding dengan mereka yang menganggarkan mereka mendapat markah di bawah 50. Ini jelas menggambarkan bahawa murid-murid ini cuba meningkatkan esteem diri mereka sebelum ujian diambil.

C. Anggaran Kebolehan Intelektual

Subjek diminta menganggarkan keupayaan intelek mereka. Dalam kajian Uhrbock (1926), kesemua pelajar baru di Universiti Wyoming diminta menyatakan sama ada mereka meletakkan pencapaian intelektual mereka di atas atau di bawah purata. Dari 293 responden, 71 % meletakkan diri mereka di atas purata 50. Ia menunjukkan bahawa terdapat “self favorability bias” yang jelas dalam kumpulan subjek kajian ini kerana kebanyakan subjek menganggarkan keupayaan intelek mereka tinggi. Oleh itu ia menggambarkan bahwa esteem diri mereka tinggi apabila mereka menganggap diri mereka kumpulan di atas purata.

Bachman (1970) dalam Wylie (1979) mendapati wujudnya bukti “self-favourability” dalam konsep kendiri intelektual dan kebolehan membuat kerja sekolah dalam sa,pel perwakilan kebangsaan terhadap 2213 orang pelajar gred 10 di sebuah sekolah tinggi di Amerika Syarikat pada 1966. Dalam memberi maklumbalas terhadap soalan “Bagaimana anda memberi kedudukan kepada diri anda dalam kebolehan di sekolah berbanding dengan rakan lain dalam gred yang sama?”. 83% sampel meletakkan diri mereka sama ada jauh di atas purata, di atas purata atau sedikit di bawah purata. Bagi menjawab soalan, “Bagaimana tahap kecerdasan anda jika dibandingkan dengan pelajar lain yang sama umur?” 84% meletakkan diri mereka jauh di atas purata, di atas purata atau sedikit di bawah purata. Dapatkan-dapatkan ini menunjukkan pelajar-pelajar ini cenderung menganggap diri mereka mempunyai keupayaan intelektual yang tinggi.

CONTINUE...